

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN NGA KOR MING [TAIPING]

TARIKH : 30 NOVEMBER 2015

SOALAN :

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta PERDANA MENTERI menyatakan DYMM Tuanku Sultan Johor pernah menitah terdapat bilangan cukup ramai individu yang bergelaran “Datuk”, maka minta penjelasan Kerajaan berapakah jumlah bilangan sebenar mereka yang mendapat gelaran “Dato”, “Dato Seri”, “Tan Sri” serta gelaran “Tun” mengikut senarai negeri-negeri masing-masing.

JAWAPAN : YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di Pertua,

Di peringkat Persekutuan, jumlah pengurniaan Darjah Kebesaran Persekutuan yang membawa gelaran ‘Tun’, ‘Tan Sri’ dan ‘Datuk’ termasuk penerima yang telah meninggal dunia adalah seramai 2,256 penerima. Pecahan pengurniaan mengikut jenis kurniaan adalah seperti berikut:

JENIS KURNIAAN	GELARAN	JUMLAH PENERIMA
Seri Maharaja Mangku Negara (S.M.N.)	Tun	42
Seri Setia Mahkota (S.S.M.)	Tun	43
Panglima Mangku Negara (P.M.N.)	Tan Sri	134
Panglima Setia Mahkota (P.S.M.)	Tan Sri	886
Panglima Jasa Negara (P.J.N.)	Datuk	976
Panglima Setia Diraja (P.S.D.)	Datuk	175
Jumlah		2,256

Jumlah kurniaan di atas adalah tertakluk kepada had kurniaan yang ditetapkan di dalam statut Darjah Kebesaran masing-masing.

Bagi pengurniaan Darjah Kebesaran di peringkat negeri, ia adalah kuasa prerogatif Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja atau Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri dan rekod penerima diselaraskan oleh pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri masing-masing.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 30 NOVEMBER 2015
[ISNIN]**

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL
GHAPUR BIN HAJI SALLEH
[KALABAKAN]**

SOALAN :-

**Y.B. DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN HAJI
SALLEH [KALABAKAN] minta MENTERI KESEJAHTERAAN
BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan :-**

- (a) berapa banyakah rumah mampu milik yang dijanjikan pada pilihan raya yang lalu yang sudah siap dibina dan dalam pembinaan; dan
- (b) dapatkah Kementerian memenuhi janji ini dalam tempoh yang ditetapkan, iaitu 5 tahun.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan maklumat yang diselaraskan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berhubung status pelaksanaan rumah mampu milik sama ada di peringkat persekutuan atau pun negeri menunjukkan sasaran 1 juta rumah mampu milik (dalam tempoh 2013-2018) seperti yang telah dijanjikan mampu dicapai. Ia adalah berdasarkan momentum perancangan dan pembinaan oleh agensi-agensi terlibat iaitu Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), Kementerian-Kementerian lain yang berkaitan, semua badan-badan perumahan milik kerajaan negeri serta ditambah pula pelaksanaan program-program perumahan baharu seperti Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M), Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome) dan Program Perumahan Belia. Sehingga 30 Jun 2015, status penyediaan rumah mampu milik adalah seperti di **Lampiran 1**.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan
November 2015

Lampiran 1

**STATUS PELAKSANAAN RUMAH MAMPU MILIK
BAGI TEMPOH 2013 - 2018**

KODA PERENCANAAN	JUMLAH		PERENCANAAN
	DALAM SIAP	DALAM PENGANGGURAN	
KPKT	14,200	18,533	17,289
PR1MA	560	41,263	120,751
SPNB	52,974	13,355	99,782
PPA1M	0	18,777	11,223
KWP	900	12,163	26,148
FELDA	326	8,744	8,744
KKLW	5,651	2,241	0
BPPBPP	1,189	804	970
PERDA	1,069	790	0
MOA	6,402	2,524	2,000
KERAJAAN NEGERI	21,852	17,921	62,724
SEKTOR SWASTA	89,333	41,807	TM

TM : Tiada Maklumat